



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
AL-SULTAN ABDULLAH

**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR  
(HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**

**PENGUMUMAN RASMI**

**BILANGAN 7 TAHUN 2024**

**PEMAKLUMAN KELONGGARAN PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN  
PEMBELAJARAN BERSEMPENA PERAYAAN HARI DEEPAVALI  
DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Kepada semua Staf dan Pelajar UMPSA,

2. Merujuk kepada Kalendar Sesi Akademik 2024/2025 yang dikeluarkan oleh pihak Universiti telah dimaklumkan bahawa cuti bagi Hari Deepavali adalah jatuh pada **31 Oktober 2024 (Khamis)** dan pihak Universiti telah pun memberikan **cuti gantian bersempena Hari Deepavali pada 1 November 2024 (Jumaat)**.

3. Bagi tujuan memudahkan urusan pelajar beragama Hindu untuk meraikan sambutan Hari Deepavali yang jatuh pada tarikh tersebut, pihak Universiti bersetuju memberikan kelonggaran kepada pensyarah dan pelajar untuk **melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian bermula pada 28hb, 29hb dan 30hb Oktober 2024 (Isnin, Selasa dan Rabu)** iaitu pada minggu perayaan Hari Deepavali. Walaubagaimana pun kelonggaran pelaksanaan PdP ini hanya boleh diberikan **bergantung kepada perbincangan dan persetujuan bersama antara pensyarah dan pelajar** yang mempunyai kelas pada tarikh berkenaan.

4. Diharapkan dengan kelonggaran yang diberikan ini, ianya akan dapat membantu memudahkan urusan pensyarah dan pelajar yang beragama Hindu untuk meraikan Hari Deepavali bersama keluarga masing-masing.

5. Segala kerjasama yang diberikan oleh semua staf dan pelajar dalam mengambil maklum dan perhatian berkaitan perkara ini adalah dihargai.

Sekian, terima kasih

**Dikeluarkan oleh  
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Akademik dan Antarabangsa)  
23 Oktober 2024**